

TARIKH	7 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	NASIONAL

Kaji guna akaun kedua KWSP belanja haji

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) sedia mengkaji untuk membenarkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menggunakan akaun kedua bagi perbelanjaan penuh menunaikan haji.

Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Ismee Ismail, berkata bagaimanapun perkara itu perlu mendapat kelulusan KWSP.

“Sebelum ini, kerajaan membenarkan pencarum KWSP menggunakan sebahagian daripada akaun kedua iaitu berjumlah RM3,000 ringgit untuk tujuan menunaikan haji,” katanya menerusi program Dalam Radar terbitan Bernama Radio24 di sini, semalam.

Ismee berkata, setakat ini TH berjaya mengekalkan jumlah perbelanjaan dengan kos RM9,980 seorang jemaah, walaupun jumlah sebenarnya adalah RM15,150.

“Daripada jumlah itu, Tabung Haji menanggung RM5,170 bagi setiap jemaah, termasuk kursus haji,” katanya.

Ismee berkata TH sentiasa menambah baik perkhidmatan disediakan setiap tahun bagi tujuan memberi keselesaan kepada jemaah.

Pada Januari depan, pegawai TH akan ke Tanah Suci untuk urusan memperbaharui kontrak penempatan sedia ada dan melihat perumahan baru bagi memastikan jemaah haji dari negara ini sentiasa mendapat perkhidmatan terbaik. **BERNAMA**